

**Bayaran Visa AS Untuk Bukan Imigran Dinaikkan Bermula 13 April  
Bernama  
30 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Bayaran visa wartawan ke Amerika Syarikat (AS) dinaikkan sebanyak US\$20 (RM60) bermula 13 April ini, kata Kedutaan Amerika Syarikat di sini.

Kadar itu turut membabitkan visa bagi pelancong, perniagaan, transit, kru, pelajar dan pertukaran pelawat, kata kedutaan itu dalam satu kenyataan hari ini.

Dengan kenaikan itu, kadar baharu permohonan visa bagi kategori tersebut ialah US\$160 (RM490) berbanding US140 (RM430) sekarang.

"Kadar sekarang tidak memadai untuk menampung kos sebenar memproses visa bukan imigran atas pelbagai sebab," kata kenyataan itu.

Kedutaan itu berkata berkuat kuasa tarikh yang sama, bayaran visa bagi beberapa kategori lain termasuk tunang kepada warga AS akan dikurangkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, orang ramai boleh melayari laman web [www.regulations.gov](http://www.regulations.gov) atau [www.travel.state.gov](http://www.travel.state.gov) selain laman web kedutaan dan konsulat AS.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656002>